



**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Subjek	:	KEPERLUAN PENGEKSPORTAN MAKANAN
Topik	:	Amerika Syarikat: Maklumat Umum Keperluan Pengeksportan Makanan
Tanggungjawab	:	PENGILANG/ PENGEKSPORT
<p>Bagi tujuan pengeksportan makanan ke Amerika Syarikat, premis pemprosesan yang terlibat perlu memastikan keperluan negara pengimport adalah dipatuhi. Adalah dimaklumkan, di bawah <i>Food Safety Modernization Act</i> (FSMA) Amerika Syarikat (AS), semua fasiliti makanan yang mengilang, memproses, membungkus atau menyimpan makanan untuk kegunaan manusia dan haiwan di AS perlu berdaftar dengan <i>United States Food and Drugs Administration</i> (USFDA) sekali sahaja.</p> <p>Namun demikian, bermula 1 Oktober 2012, semua fasiliti makanan yang mengilang, memproses, membungkus atau menyimpan makanan untuk kegunaan manusia dan haiwan di AS perlu berdaftar semula dengan USFDA pada setiap dua (2) tahun sekali, bermula pada 1 Oktober hingga 31 Disember pada setiap tahun genap di laman web http://www.fda.gov/Food/GuidanceComplianceRegulatoryInformation/RegistrationofFoodFacilities/OnlineRegistration/ucm084379.htm atau menghantar Borang 3537 melalui pos atau faks mulai 1 Oktober 2012 (Borang 3537 boleh diperoleh di laman web http://www.fda.gov/Food/GuidanceComplianceRegulatoryInformation/RegistrationofFoodFacilities/ucm073728.htm).</p> <p>Syarat baharu ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai fasiliti yang mengilang, memproses, membungkus atau menyimpan makanan untuk kegunaan manusia dan haiwan di AS. Di antara maklumat tambahan yang dimaksudkan adalah jenis fasiliti makanan iaitu pengilang, pemproses, pembungkus, gudang atau fasiliti penyimpanan, produk dan langkah kawalan bahaya yang berkaitan dengan produk dan maklumat-maklumat lain seperti latihan keselamatan makanan, saiz fasiliti, jadual operasi dan bilangan pekerja.</p>		
Disediakan oleh	:	Cawangan Eksport, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia